

Malaysia tak minat layan kerenah pelabur asing

UM 3 AUG 2002

KUALA LUMPUR 2 Ogos — Malaysia tidak berminat melayan kerenah pelabur asing yang meminta pelbagai insentif serta kemudahan yang tidak munasabah untuk melabur di negara ini, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menurut beliau, sebagai negara yang sedang membangun adalah tidak mungkin Malaysia mampu memenuhi kehendak sedemikian yang boleh merugikan negara sendiri.

Tegas beliau, pendekatan pelabur itu juga adalah keterlaluan serta bercanggah sama sekali dengan kehendak rejim ekonomi pasaran bebas yang mementingkan prinsip keadilan serta kebebasan melabur dari sebuah negara ke negara lain.

“Daripada kita melaburkan begitu banyak wang untuk itu, lebih baik kita gunakannya bagi membuka peluang untuk menarik lebih banyak pelabur lain.

“Tidak perlu membawa pelabur di mana kita pula kena belanja lebih daripada yang dia nak belanja. Saya fikir itu sesuatu yang tidak seimbang,” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman antara Malaysia dan Australia mengenai kerjasama memerangi keganasan antarabangsa di Wisma Putra, hari ini.

Pada majlis itu Malaysia diwakili oleh Syed Hamid sendiri manakala Australia oleh Menteri Luarnya, Alexander Downer.

Syed Hamid diminta mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa terdapat sebuah negara kaya yang berjaya menghalang sebuah perbadanan daripada melabur di Malaysia dengan menawarkan 200 juta dolar di samping faedah istimewa lain.

Tanpa menamakan negara kaya dan pelabur tersebut, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak mampu membuat tawaran sedemikian kepada mana-mana pelabur yang hendak melabur di negara ini.

Mengulas lanjut, Syed Hamid berkata, apabila pelbagai syarat tidak munasabah dikenakan oleh pelabur, sudah tentu ia akan memberi kesusahan kepada negara membangun seperti Malaysia.

Malah katanya, sekiranya keadaan itu jelas bercanggah dengan teori dan prinsip yang ditentukan, maka tidak mungkin akan ada lagi persaingan secara adil dalam ekonomi pasaran bebas.

Justeru, beliau mencadangkan agar perbuatan buruk itu disekat melalui sistem peraturan perdagangan antarabangsa supaya ia dianggap sebagai perkara yang bertentangan dengan kebebasan untuk melabur ke mana-mana negara.